



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/9/2011

## Mat Indera, Mat Sabu dan kerusi Kepala Batas

KENYATAAN Timbalan Presiden Pas, Mohamad Sabu atau Mat Sabu yang menjulang orang Melayu yang bersekongkol dengan komunis sebagai pejuang negara, memperlekehkan anggota polis dan tokoh-tokoh negara termasuk Tunku Abdul Rahman terus mendapat kecaman dalam kalangan penulis blog.

Blog **Selangor Daily Dot Com** ([www.selangordaily.com](http://www.selangordaily.com)) misalnya menganggap kenyataan Mat Sabu yang mahu menukar fakta sejarah tanah air merupakan satu usaha yang berbahaya terutama kepada generasi muda.

Katanya, tindakan tersebut hampir sama dengan apa yang dilakukan oleh puak zionis yang telah menghapuskan identiti dan sejarah penduduk asal Palestin dan mengadakan propaganda bahawa kaum Yahudilah penduduk asal di wilayah tersebut.

"Apa yang membimbangkan ialah sendainya perkara seperti ini dibiarkan, ia boleh menghakis jati diri dan sejarah sesuatu bangsa, yang akhirnya akan melemahkan masyarakat itu sendiri... dan apabila bangsa itu lemah, maka mudah untuk (orang asing) menjajah, temtamanya dari segi pemikiran.

"Ini satu lagi bukti bahawa trend mengubah sejarah sedang dilakukan, persis apa yang dibuat oleh pergerakan zionis Yahudi," katanya.

Justeru, katanya, sudah tiba masanya kerajaan memikirkan jalan terbaik iaitu memperkemarkan subjek Sejarah di sekolah yang dilihat terlalu lembut dan baik hati dengan tujuan menjaga sensitiviti rakyat yang akhirnya rakyat kurang mahir tentang sejarah bangsa dan negara.

Blog **Lawyer Garang** ([lydiausm72.blogspot.com](http://lydiausm72.blogspot.com)) pula berkata, selepas menimbulkan isu komunis dan Mat Indera, kegilaan Mat Sabu sudah tidak terkawal dan tidak takut sama sekali untuk membangkitkan isu-isu yang mendatangkan kesan buruk kepada negara.

Katanya, tiada sebarang tindakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) walaupun pihak polis menerima beratus-ratus laporan terhadap Mat Sabu seolah-olah memberi ruang seluas-luasnya kepada pemimpin pembangkang itu untuk memperdaya rakyat dengan ceritanya.

"Kalau isu komunis dan Mat Indera telah mendapat maklum balas yang begitu memberangsangkan daripada pelbagai pihak,

nampaknya Mat Syabun (Sabu) menjadi semakin sangat seronok dan kini beliau meneruskan misi jahanam beliau bersama Pas untuk melaga-laga semua waris keluarga kepada para pejuang kemerdekaan di negara ini.

"Sejarah kemerdekaan negara yang sekian lama telah diterima baik oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia kini sudah pun dicemari oleh perbuatan gila Mat Syabun (Sabu)," katanya.

Blog **dari Kedah ke KL** ([kedahkekl.blogspot.com](http://kedahkekl.blogspot.com)) turut mengecam Mat Sabu yang cuba mencabar undang-undang negara apabila terus mempertikaikan sejarah negara dan peranan pasukan keselamatan ketika zaman kemerdekaan dahulu.

"Mc (Theory) percaya, semangat rakyat untuk melihat Mat Sabu yang kurang ajar ini tumbang semakin membuak-buak. Jika berterusan begini, pihak berkuasa masih terus membiarkan Mat Sabu merepek, merapu dan celupar. Pasti akan ada yang membuat tindakan sendiri untuk hentikan Mat Sabu dari terus menghina sejarah dan pejuang kemerdekaan.

"Adakah KDN dan pihak berkuasa nak tunggu rakyat sendiri bertindak, baru me-

reka nak ambil tindakan? Nak tunggu sampai bila?" tegasnya.

Al-Azhari Siddiq Kamunri ([jentayuabaka.blogspot.com](http://jentayuabaka.blogspot.com)) mempersoalkan beberapa pihak yang mengungkitkan tentang jasa dan perjuangan Tunku Abdul Rahman dan Datuk Onn Jaafar malah seperti tokoh sejarah Profesor Emeritus Khoo Kay Kim, semata-mata untuk memperkukuhkan dakwaan Mat Sabu berhubung perjuangan komunis.

"Pakar mengenai komunis di Malaysia, mendiang C.C. Too menyatakan walaupun PKM telah diharamkan tetapi ideologi komunis tidak pernah mati di Malaysia. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh pakar mengenai komunis Malaysia ini.

"Sayangnya yang memuji dan serta mengangkat para pejuang PKM, DAP, komunis ini ialah timbalan presiden sebuah parti Islam, walaupun tidaklah Islamik pun," katanya.

Secara sinis beliau mencadangkan agar bekas-bekas anggota PKM dan penyokong ideologi komunis memberikan anugerah khas kepada Mat Sabu sebagai Tokoh Komunis Melayu Moden atau Bapa Komunis Melayu Moden sebagai mengenang jasa-jasanya mengangkat perjuangan komunis.

Sementara itu blog **Media Permatang Pauh Online** ([mediapermatangpauh.blogspot.com](http://mediapermatangpauh.blogspot.com)) mendedahkan usaha pihak Parti Keadilan Rakyat (PKR) untuk meletakkan presidennya, Datin Seri Wan Azizah Ismail sebagai calon di Parlimen Kepala Batas pada pilihan raya akan datang.

Katanya, sumber dalaman parti itu mendakwa mereka hilang keyakinan terhadap Pas untuk merampas kerusi Parlimen itu yang kini disandang oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan tugas tersebut perlu diserahkan kepada calon dari PKR.

"Memang hebatlah famili Anwar Ibrahim ni kan... semuanya dia nak sapu keliling. Lepas anak perempuan dia Nurul Nuha dicalonkan untuk bertanding di Nibong Tebal, bini dia pulak akan bertanding di Kepala Batas.

"Jadi memang betul-tulah PKR ni dah jadi parti anak beranak... Anwar di Permatang Pauh, Nurul Izzah di Lembah Pantai, Nuha di Nibong Tebal dan Wan Azizah di Kepala Batas," katanya.

Ketolaan LUKMAN ISMAIL  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)